

**KEPERLUAN PEMBANGUNAN 'INFRASTRUKTUR ASAS' DI
KAWASAN HULU PADAWAN**

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK

PROJEK PELAJAR

BONNIE/BONIFACE AK LASEK

Kertas Kerja Yang Di dikemukakan Kepada Fakulti Pentadbiran Dan
Undang-Undang Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan untuk
memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk memperolehi
Diploma Pentadbiran Awam

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SARAWAK
APRIL 2001**

ABSTRAK

Infrastruktur asas merupakan sesuatu yang amat diperlukan oleh para penduduk dalam sesebuah kawasan. Ia memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan keseluruhan kawasan tersebut. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti keperluan pembangunan infrastruktur asas para penduduk terpinggir di Hulu Padawan. Tujuan pengkaji memilih kawasan Hulu Padawan dan tajuk kemudahan infrastruktur asas adalah bagi menggetengahkan masalah dan keperluan masyarakat terpinggir ini kepada umum.

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui kaedah survei iaitu melalui borang soalselidik dan temuduga. Kajian ini melibatkan 43 orang responden yang mewakili 370 buah keluarga. Kajian ini menunjukkan bahawa bekalan elektrik merupakan keperluan utama para responden iaitu sebanyak 79.4 peratus. Jumlah ini diikuti oleh keperluan jalan raya dan telefon iaitu masing-masing sebanyak 70.6 peratus. Manakala bekalan air dan klinik kesihatan masing-masing berjumlah 64.8 peratus daripada jumlah keseluruhan responden. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat di Hulu Padawan sememangnya mengharapkan kemudahan infrastruktur yang lebih baik dan sekurang-kurangnya setanding dengan kemudahan yang terdapat di kampung-kampung sekitar.

Beberapa cadangan yang difikirkan sesuai oleh pengkaji telah dikemukakan bagi membantu membangun serta menyediakan kemudahan dan infrastruktur di Hulu Padawan. Ini adalah seperti Pusat Pertumbuhan Desa, Pakej Pembangunan Kampung Bersepadu dan Projek Hutan-Tani. Dengan ini diharap ia dapat membantu membangunkan infrastruktur asas serta mengubah nasib penduduk terpinggir di Hulu Padawan.

- Keputusan kajian tidak harus dibincangkan di dalam abstrak
- Apakah masalah? Kenapa ada terjemahan?

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACK	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GAMBARAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
BAB I PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kawasan kajian	2
1.3 Kenyataan masalah	5
1.4 Objektif kajian	10
1.5 Kepentingan kajian	11
1.6 Skop kajian	12
1.7 Limitasi kajian	14
BAB II ULASAN KARYA	
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Pembangunan luar bandar	18
2.3 Definisi pembangunan masyarakat	20
2.4 Definisi infrastruktur	21
2.5 Konsep keperluan	22
2.5.1 Katogori keperluan	23
2.5.2 Pengkelasan kehendak atau keperluan	25
2.6 Model 'pusat-pinggir' dalam pembangunan dan modenisasi	28
2.7 Model zon concentric	31
2.8 Pendekatan teknokratik	34

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan secara ringkas tentang pembangunan infrastruktur fizikal yang terdapat di kawasan Hulu Padawan sekarang. Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kawasan kajian, kenyataan masalah, objektif-objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan limitasi kajian.

Kajian ini ditumpukan kepada pembangunan infrastuktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air bersih, sekolah dan klinik. Ini adalah kerana kemudahan-kemudahan ini merupakan keutamaan dan keperluan masyarakat luar bandar. Menurut Alhabshi (1999), ^{ut Sarawak?} keutamaan masyarakat Sarawak dari segi pembangunan adalah jalan raya yang baik, bekalan air bersih, bekalan elektrik, skim pembangunan tanah, pertanian, dan klinik.

Berdasarkan laporan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (1994), pencapaian matlamat, falsafah dan strategi bagi pembangunan secara menyeluruh menekankan teras pembangunan luar bandar melalui perlaksanaan tujuh inisiatif. Salah satu daripada inisiatif tersebut menyatakan bahawa penyediaan infrastruktur yang berkualiti bagi memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat luar bandar yang lebih sempurna serta dapat menampung pembangunan ekonomi moden

1.5 Kepentingan Kajian

Pembangunan infrastruktur merupakan satu tajuk yang menarik untuk dikaji khasnya di kawasan yang terpinggir seperti di kawasan Hulu Padawan. Kajian ini juga penting bagi mengenalpasti atau mengkaji fenomena ini dengan lebih dekat lagi agar ia dapat menyedarkan kita dan masyarakat tentang betapa pentingnya pembangunan infrastruktur kepada penduduk sesuatu kawasan. Di samping itu kajian ini juga akan dapat mendedahkan apakah isu dan punca disebalik kelewatan pembangunan infrastruktur di kawasan kajian.

Kepada kerajaan, kajian ini penting untuk mengenalpasti keperluan pembangunan yang diperlukan oleh masyarakat di kawasan Hulu Padawan. Kajian ini juga dapat membantu serta memberi gambaran yang jelas bagi mereka untuk merancang program-program dan projek-projek pembangunan yang bersesuaian dengan keadaan sekeliling dan mengambilkira kepentingan masyarakat dan pada masa hadapan. Ini penting untuk membolehkan kawasan Hulu Padawan tidak ketinggalan dari pelbagai aspek pembangunan dalam menuju alaf akan datang yang memerlukan pembangunan yang seimbang menjelang Wawasan 2020.

Bagi penduduk kawasan yang terlibat, kajian ini penting di mana kajian ini merupakan landasan atau saluran bagi mereka untuk menyampaikan pendapat dan harapan mereka kepada kerajaan dan wakil rakyat yang mewakili kawasan tersebut agar mereka dapat menikmati pembangunan yang telah sekian lama diimpikan. Selain daripada itu, kajian ini juga akan memberi jawapan kepada persoalan